



SIARAN MEDIA

PROGRAM BICARA SEJARAH SARAWAK

Kuching, Sarawak : 6 November 2021 – Arkib Negara Malaysia adalah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia buat julung kalinya menganjurkan Majlis Bicara Sejarah Sarawak. Majlis Bicara Sejarah Sarawak dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Majlis ini berlangsung selama sehari di Hotel Imperial, Kuching, Sarawak bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat Sarawak khususnya berkaitan sejarah dan peranan pribumi Sarawak.

Majlis Bicara Sejarah Sarawak yang diadakan ini adalah sebagai satu platform yang dapat memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Sarawak tentang kepentingan pengetahuan sejarah yang tepat dan betul. Melalui program seperti ini juga Arkib Negara Malaysia dapat mengumpul dan melengkapkan maklumat berkaitan sejarah Sarawak yang sahih untuk tujuan simpanan kekal di premis Arkib Negara Malaysia untuk dijadikan bahan rujukan, kajian serta penyelidikan oleh pengkaji pada masa kini dan akan datang. Majlis Bicara Sejarah Sarawak dilihat juga sebagai pentas utama menghimpunkan sejarawan Sarawak, ahli akademik, agensi bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat, dan penuntut institusi pengajian tinggi untuk terlibat sama dalam bicara sejarah. Dianggarkan seramai kira-kira 300 orang yang turut serta sepanjang sesi ini berlangsung.

Terdapat dua tajuk pembentangan dalam Bicara Sejarah Sarawak pada kali ini iaitu Tajuk Pertama ialah 'Bicara Sejarah: Peranan Pribumi Sarawak Dalam Perjuangan Kemerdekaan'. Tiga orang tokoh pembicara yang akan mengupas tajuk ini ialah YBhg. Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said (Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak), YBrs. Prof. Dr. Neilson Ilan Mersat (Universiti Malaysia Sarawak) dan YBrs. Dr. Adibah binti Yusuf (Universiti Malaysia Sarawak). Moderator untuk sesi ini ialah YBrs. Prof.

Madya Dr. Awang Azman bin Awang Pawi (Universiti Malaya). Bagi tajuk kedua pula tolong pembicaranya YBrs. Dr. Hazami bin Jahari (Dewan Bahasa dan Pustaka) YBrs. Dr. Juna Liau (Universiti Malaysia Sarawak), YBrs. Dr. Habids Buhigiba bin Mohamad Bustamam (Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang) dengan tajuk 'Bicara Sejarah: Peranan Komuniti Dalam Pensejarahan Negeri Sarawak' bersama moderator YBrs. Dr. Jeniri Amir (Majlis Profesor Negara).

Adalah diharapkan melalui program seperti ini Arkib Negara dapat bertindak sebagai ejen pemangkin menyemarakkan rasa kecintaan kepada negara bangsa sesuai dengan aspirasi Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang baharu sahaja dilancarkan pada 26 Oktober 2021 oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia. DAKEN 2021 telah menggariskan hala tuju Malaysia menjadi 'Negara Maju Rakyat Berbudaya' dan sebagai usaha menjulang dan memartabatkan seni, budaya dan warisan negara.

**ARKIB NEGARA MALAYSIA
6 NOVEMBER 2021**

Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my